



**POLITEKNIK KUALA TERENGGANU  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Jalan Sultan Ismail  
20200 Kuala Terengganu  
TERENGGANU  
MALAYSIA



Tel : 09-6204100  
Faks : 09-620 4102  
Laman Web : pkt.mypolycc.edu.my

Ruj.Kami : PKT-HEP/06/01/01 Jld.14(49)  
Tarikh : 18 JUN 2025

**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I : 2025/2026**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. **Tahniah** diucapkan kerana berjaya ditawarkan ke Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki mendaftar diri sebagaimana maklumat berikut:

- 2.1. Tarikh : **28 Julai 2025 (Isnin)**
- 2.2. Masa : **9.00 pagi hingga 12.00 tengahari**
- 2.3. Tempat : **Perkarangan Bangunan Induk Politeknik Kuala Terengganu**
- 2.4. Rupa diri  
Lelaki : Berkemeja lengan panjang warna putih (tidak bercorak), seluar "slack" hitam, bertali leher, berkasut hitam dan berstokin  
Wanita (Muslim) : Berbaju kurung putih (tidak bercorak), berkain hitam, bertudung putih dan kasut gelap bertutup serta berstokin.  
Wanita (Bukan Muslim) : Berbaju kurung putih (tidak bercorak), berkain hitam, dan berkasut gelap bertutup serta berstokin.

- 2.5. Penginapan : **PKT TIDAK MEMPUNYAI KEMUDAHAN ASRAMA**  
**Pendaftaran rumah sewa pada : 27 Julai 2025 (AHAD) / 09.00 pagi**

\*\*Penginapan (rumah sewa) adalah terhad. Sila hubungi En. Mohd Fathi Omar di talian 019 9871113 atau Pejabat HEP 09-6322023 dengan kadar segera.

3. Bersama-sama dengan ini disertakan Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Politeknik Kuala Terengganu Sesi I : 2025/2026. Panduan ini juga boleh dicapai melalui laman sesawang rasmi PKT; <https://pkt.mypolycc.edu.my>.

4. Jika anda **TIDAK MENDAFTAR** pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan, Politeknik Kuala Terengganu beranggapan **ANDA MENOLAK TAWARAN INI**.

5. Segala perhatian serta kerjasama yang diberikan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(TS. NADZRI BIN CHE KAMIS)  
Pengarah  
Politeknik Kuala Terengganu  
Terengganu



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUALA TERENGGANU



# BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR

SESI I : 2025/2026

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR &  
PEMBANGUNAN PELAJAR  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



# ISIKANDUNGAN

## PERKARA

## MUKA SURAT

<b>1.0 Maklumat Am</b>	1
1.1 Pengenalan	2
1.2 Kemudahan Tempat Tinggal	2
<b>2.0 Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu</b>	4
2.1 Peringatan Penting	4
2.2 Proses Sebelum Hari Pendaftaran	5
2.3 Pakaian Dan Rupa Diri Semasa Hari Pendaftaran	6
2.4 Jadual Bayaran Yuran Pelajar Baharu	8
2.5 Pinjaman Dan Bantuan Kewangan	9
2.6 Pembukaan Akaun Bank	9
2.7 Dokumen Yang Perlu Dibawa	12
2.8 Tatacara Pendaftaran Atas Talian	13
<b>3.0 Lampiran Yang Perlu Dicetak</b>	18
3.1 Senarai Semak	19
3.2 Borang Keahlian Pelajar (Semester 1) Majlis Sukan Politeknik	20
<b>4.0 Minggu Transformasi Siswa</b>	21
4.1 Peraturan Minggu Transformasi Siswa	21
4.2 Objektif Minggu Transformasi Siswa	24
4.3 Ikrar Pelajar	26
4.4 Lagu Politeknik Malaysia	27
4.5 Lagu Politeknik Kuala Terengganu	28
<b>5.0 Peraturan Am Pelajar</b>	29
5.1 Kad Pelajar	29
5.2 Penampilan Diri Pelajar Politeknik Kuala Terengganu	29
5.3 Maklumat Pendaftaran Pelajar Senior	33
5.4 Tatacara Lapor Diri Pelajar Senior Atas Talian	34

# 1.0 MAKLUMAT AM

## 1.1 PENGENALAN

### **Latar Belakang Politeknik Kuala Terengganu**

Politeknik Kuala Terengganu dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota Kuala Terengganu (PKKT) mula beroperasi di Bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang dengan berkonsepkan kampus dalam kota.

Selepas enam bulan pengoperasiannya, Politeknik Kota Kuala Terengganu berpindah ke tapak lama bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terengganu yang disewakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada 27 April 2010, Politeknik Kota Kuala Terengganu telah ditukar namanya kepada Politeknik Kuala Terengganu (PKT).

### **Visi Politeknik Kuala Terengganu**

Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri.

### **Misi Politeknik Kuala Terengganu**

Menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif bagi melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan industri.

## 1.2 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL

Politeknik Kuala Terengganu **TIDAK** mempunyai kemudahan **ASRAMA/KOLEJ KEDIAMAN**. Oleh itu pelajar perlu memahami beberapa perkara seperti berikut:

- Pelajar yang memerlukan rumah sewa diwajibkan dengan kadar segera menghubungi pegawai seperti di bawah sebelum hadir mendaftar (kemudahan rumah sewa adalah **TERHAD**)
  - a) Pejabat HEP : 09-6322023/2055/2009
  - b) PIC Rumah Sewa : En Mohd Fathi bin Omar (019-9871113)
- Pembayaran rumah sewa (**pembayaran adalah bagi satu semester sekaligus**), bil air dan elektrik adalah di bawah tanggungjawab pelajar dan hendaklah dijelaskan setiap bulan bagi semester berkenaan.
- Kemudahan di dalam rumah sewa hanyalah kemudahan asas iaitu seperti katil, tilam, peti sejuk dan mesin basuh. Oleh itu, keperluan lain seperti bantal, sarung bantal dan cadar serta keperluan peribadi lain hendaklah disediakan atau dibawa sendiri.
- Pendaftaran Rumah Sewa akan dilaksanakan pada **27Julai 2025 Jam 9.00 pagi (sehari sebelum Pendaftaran Politeknik)**.

**\*\*PENJELASAN :**

- Politeknik hanya **MEMBANTU** mencari rumah sewa yang berhampiran dengan kelengkapan dan harga berpatutan **(DALAM KAWASAN BANDARAYA KUALA TERENGGANU)**. Pihak Politeknik Kuala Terengganu tidak mempunyai halangan sekiranya pelajar ingin mencari rumah sewa sendiri.
- Segala perkara yang berlaku di rumah sewa adalah tanggungjawab pelajar itu sendiridan segala urusan selepas itu adalah di antara pelajar dan tuan rumah sewa kerana ianya bukan di bawah bidang kawalan kuasa politeknik.
- Segala pertanyaan lebih lanjut boleh hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar melalui talian yang tertera di atas.

# 2.0 MAKLUMAT PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

## 2.1 PERINGATAN PENTING

Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:

- Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
  - a. Kewarganegaraan
  - b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
- seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.
- Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tawaran kemasukan anda ke politeknik akan ditarik balik dan terbatal.
- Pelajar yang mendapat tawaran program **Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik** dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Kuala Terengganu dengan **SEGERA** sekiranya didapati **Buta Warna** setelah membuat Pemeriksaan Doktor.  
**\*Syarat bagi program ini adalah calon tidak buta warna.**
- Pelajar dikehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri.

## 2.2 PROSES SEBELUM HARI PENDAFTARAN

1

Cetak Surat Tawaran Dan Pos **Borang Jawapan Tawaran (BJT)** ke Politeknik Kuala Terengganu dalam tempoh 7 hari

(Layari portal : [ambilan.mypolycc.edu.my](http://ambilan.mypolycc.edu.my))

Muat turun panduan pendaftaran selepas status BJT diterima oleh Politeknik melalui pautan:

[http://spmp.pkt.edu.my/uspmp2/filedownload/dokumen\\_pendaftaran.pdf](http://spmp.pkt.edu.my/uspmp2/filedownload/dokumen_pendaftaran.pdf)

2

3

Menghubungi PKT sekiranya memerlukan **RUMAH SEWA** (Rujuk Maklumat KemudahanTempat Tinggal di m/s 2 Buku Panduan dan Pendaftaran Pelajar).

Isi maklumat dalam link : [Tempahan Rumah Sewa](#)

Membuat bayaran Yuran

( rujuk Jadual dan Kaedah Bayaran di m/s 8)

4

Daftar secara online selepas **BAYARAN DIBUAT (SELEPAS 3 HARI BEKERJA)**

5

rujuk Panduan Pendaftaran Online SPMP di m/s 13-17 (Pautan:<http://spmp.pkt.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>)

**CETAK SALINAN SLIP PENGESAHAN PENDAFTARAN**

Lengkapkan Borang HEP 1- HEP 6 (yang telah dicetak dari laman web) <http://ambilan.mypolycc.edu.my>

6

7

Menyediakan dokumen berikut dan serahkan pada hari pendaftaran pada **28/7/2025 (Isnin)**

- Slip Pengesahan Pendaftaran Online
- Senarai Semak – Lampiran1
- Borang HEP 1 – HEP 6
- Gambar berukuran passport(1 Keping untuk Fail)
- Surat Asal Tajaan.Cth: MAIS, MAIP (Jika ada)
- Borang Keahlian PelajarMajlis Sukan Politeknik Malaysia

## 2.3 PAKAIAN DAN RUPA DIRI SEMASA HARI PENDAFTARAN (4 hari mulai Isnin hingga Khamis)

Lelaki	Keterangan
Baju/ Tali Leher	Kemeja putih (Kosong tidak bercorak) lengan panjang dan bertali leher.
Seluar/ Tali Pinggang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Seluar panjang '<i>slack</i>' berwarna hitam – <i>jeans</i> dan <i>denim</i> tidak dibenarkan.</li><li>• Tali pinggang berwarna hitam –corak atau kepala tali pinggang yang berbentuk keterlaluan tidak dibenarkan.</li></ul>
Kasut	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kasut bertutup penuh- Kasut sukan tidak dibenarkan.</li><li>• Memakai sarung kaki dengan sempurna.</li></ul>
Rambut	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendek, kemas dan tidak diwarnakan</li><li>• Belakang tidak menyentuh paras kolar baju, paras tepi tidak menyentuh paras atas telinga dan paras depan tidak menyentuh paras dahi.</li></ul>

### Lain-lain

- Sebarang bentuk perhiasan seperti rantai gelang dan subang adalah tidak dibenarkan.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai topi, baju 'T' tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.

Perempuan	Keterangan
Baju	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbaju kurung / <i>blouse</i> labuh melepasi paras punggung (Warna Putih kosong tidak bercorak)</li> <li>• Bertudung Putih (Kosong tidak bercorak) dan melebihi paras bahu bagi yang beragama Islam.</li> <li>• Pakaian hendaklah bersopan dan tidak menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana- mana bahagian badan yang sensitif tidak dibenarkan.</li> </ul>
Kasut	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kasut bertutup penuh.</li> <li>• Memakai sarung kaki dengan sempurna.</li> </ul>
Rambut	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rambut kemas sama ada diikat atau dengan cara yang seumpama dengannya dan tidak diwarnakan serta tidak berfesyen bagi yang bukan beragama Islam.</li> </ul>

### Lain-lain

- Sebarang bentuk perhiasan seperti rantai gelang dan subang adalah tidak dibenarkan.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai topi, baju 'T' tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.



## 2.4 JADUAL BAYARAN YURAN PELAJAR BAHARU

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1	Yuran Pengajian	200	Bayar melalui <b>JOMPAY</b> <b>Biller Code : 821447</b> <b>Ref 1 : No KP Pelajar</b> (cth: 070804115348) <b>Ref 2 : No HP Pelajar</b> (cth: 0199877966)
2	Bayaran Pelbagai (Barang Koperasi)	300	<b>Pindahan Wang (Fund Transfer)</b> ke Akaun Koperasi PKKT Berhad ( <b>Affin Bank</b> ):  Nama Bank : Affin Bank No Akaun : <b>105150001825</b> Nama Akaun : Koperasi PKKT Berhad ref1 : No Kad Pengenalan Pelajar
3	Yuran Majlis Sukan Politeknik (MSP)	25	<b>Pindahan Wang (Fund Transfer)</b> ke Akaun <b>Tetuan Majlis Sukan Politeknik (Bank Islam Malaysia)</b> :  Nama Akaun : Majlis Sukan Politeknik Malaysia Bank : Bank Islam Malaysia No Akaun 04033010039589  <b>**Sila kepitkan bukti bayaran bersama- sama dengan BORANG KEAHLIAN PELAJAR (SEMESTER1) MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA</b>
4	Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.		

### Nota

- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran. Sila semak butiran bayaran dengan teliti.
- Pelajar **DIWAJIBKAN** mencetak **maklumat bayaran sebagai simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.**
- Sila hubungi Pegawai Hal Ehwal Pelajardi talian 09-6322055 sekiranya masih gagal mendaftar secara online selepas 3 hari (bekerja) bayaran dibuat.

## 2.5 PINJAMAN DAN KEMUDAHAN KEWANGAN

PKT tidak menyediakan pembiayaan atau elaun khas untuk pelajar. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain.

Pelajar dinasihatkan untuk memohon pinjaman pendidikan jika perlu. Dengan memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (Basiswa/Pinjaman) yang ada bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian PKT. Pembiayaan Pendidikan pelajar yang terbesar di PKT ialah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Sila layari [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) untuk membuat permohonan pinjaman.

### 2.5.1 PEMBUKAAN AKAUN BANK

#### A. Akaun Simpanan Al-Awfar Bank Islam

- Semua Politeknik telah mendapat kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad bagi tujuan penyelarasan pembukaan akaun simpanan **Al AWFAR** Bank Islam.
- Kepentingan pembukaan akaun simpanan Al Awfar ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan penyaluran elaun aktiviti pelajar serta bantuan kewangan / pinjaman pendidikan oleh Penaja.
- Sehubungan itu, calon pelajar perlu membuka akaun simpanan Al Awfar **melalui penyelarasan pihak HEP institusi masing-masing.**

- Data pelajar yang mendaftar bagi setiap institusi akan dihantar kepada pengurusan BIMB bagi tujuan pembukaan akaun simpanan.
- **Tiada sebarang deposit permulaan minimum (zero deposit)** diperlukan bagi tujuan pembukaan akaun simpanan Al Awfar dibawah penyelarasan Politeknik.
- Satu taklimat oleh pihak BIMB berkenaan pembukaan akaun simpanan Al Awfar akan diadakan pada program Minggu Transformasi Siswa pelajar baharu Politeknik.

## B. Akaun ASNB Untuk Program Inisiatif Celik Madani

Semua pelajar baharu **DIWAJIBKAN** untuk membuka akaun ASNB secara individu atas nama sendiri. **PEMBERIAN RM50 UNIT AMANAH SECARA PERCUMA.**

Kaedah pelaksanaan:

1. Pelajar perlu membuat pengesahan penerimaan tawaran pengajian Diploma Politeknik melalui laman web <https://ambilan.mypolycc.edu.my>
2. Pelajar perlu membuka akaun ASNB secara individu atas nama sendiri selepas membuat pengesahan setuju terima tawaran dan sebaiknya sebelum proses pendaftaran di Politeknik Kuala Terengganu (**Rujuk tarikh pendaftaran pada Surat Tawaran**)
3. Urusan pembukaan akaun ASNB perlu dilakukan secara atas talian melalui **aplikasi MyASNB**. Pelajar hanya perlu mendaftar akaun melalui aplikasi tersebut tanpa sebarang bayaran permulaan dan memasukkan kod rujukan '**Celik MADANI**' untuk pengkreditan RM50 unit amanah secara percuma.
4. Sila rujuk [KIT SELAMAT DATANG ASNB CELIK MADANI](#) atau scan QR di sebelah untuk cara mendaftar dan soalan soalan lazim.
5. Selepas berjaya membuka / mengemaskini akaun, pelajar perlu mengisi maklumat berkaitan dan nombor akaun ASNB (UHID) di link [GOOGLE FORM](#) ini, atau scan QR di sebelah.



## 2.7 DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA

1. Borang HEP 1 hingga HEP 6 perlu dilengkapkan. Setiap dokumen mestilah dicetak pada satu muka kertas bersaiz A4 untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.
2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital / klinik kerajaan / swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik.
3. Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:
  - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Kumpulan A
  - b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
  - c. Pengetua Sekolah Menengah
  - d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
  - e. Pegawai Tentera berpangkat Kaptendan ke atas
  - f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
  - g. Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
  - h. Wakil Rakyat
  - i. Pengamal Undang-undang
  - j. Pesuruhjaya Sumpah
  - k. Jaksa Pendamai
  - l. Penghulu / Penggawa / Ketua Kampung / Pemanca / Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

**(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan)**

4. Semua dokumen pada senarai semak perlu dilengkapkan dan dibawa semasa pendaftaran.


## 2.8 TATACARA PENDAFTARAN ATAS TALIAN

Sila log in ke <http://spmp.pkt.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>




Masukkan no kad pengenalan calon dalam textbox dan klik butang Teruskan

Klik butang "Maklumat Am" untuk muat turun dokumen / panduan pendaftaran.



Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	<b>Cetak Dokumen Pendaftaran</b> Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Kuala Terengganu	<input type="button" value="Maklumat Am"/>
2	<b>Cetak Maklumat Bayaran</b> Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	<input type="button" value="Maklumat Bayaran"/>
3	<b>Semak status bayaran</b> Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Kuala Terengganu sehari selepas bayaran dibuat	<input type="button" value="Semak Status Bayaran"/>



Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	<b>Cetak Dokumen Pendaftaran</b> Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Kuala Terengganu	<input type="button" value="Maklumat Am"/>
2	<b>Cetak Maklumat Bayaran</b> Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	<input type="button" value="Maklumat Bayaran"/>
3	<b>Semak status bayaran</b> Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Kuala Terengganu sehari selepas bayaran dibuat	<input type="button" value="Semak Status Bayaran"/>

Klik pada butang "Maklumat Bayaran" dan butiran bayaran akan dipaparkan serta arahan mencetak akan dikeluarkan secara automatik.

Paparan kepada calon pelajar jenis bayaran dan amaun yang perlu dibuat



**Politeknik Kuala Terengganu**  
Jalan Sultan Ismail  
20200 Kuala Terengganu  
Terengganu

Telefon : 09-6204100  
Fax : 09-6204102  
Web : <http://www.pkt.edu.my>

---

**Maklumat Bayaran Pelajar Baru Politeknik Kuala Terengganu**

Nama : MUHAMMAD ALIFF DURRANI BIN MOHD ZAIDI  
No Kad Pengenalan : 031024410204  
Kod dan Nama Program : DF007 - Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)

**Bayaran Yuran Pengajian**

Bayaran Yuran Pengajian : RM 200.00  
Nama Bank : JomPAY (Biller Code: 821447)  
Nama Akaun : POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Butang ini akan dipaparkan walaupun maklumat bayaran masih belum diterima oleh politeknik. Klik pada butang "Semak Status Bayaran" untuk menyemak.

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan M 4 Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : DISEMBER 2016 || DIS2016

**Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Kuala Terengganu**

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	<b>Cetak Dokumen Pendaftaran</b> Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Kuala Terengganu	<a href="#">Maklumat Am</a>
2	<b>Cetak Maklumat Bayaran</b> Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	<a href="#">Maklumat Bayaran</a>
3	<b>Semak status bayaran</b> Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Kuala Terengganu sehari selepas bayaran dibuat	<a href="#">Semak Status Bayaran</a>

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Kuala Terengganu  
Tel : 09-6204100 Fax : 09-6204102  
<http://www.pkt.edu.my>

© Copyright Team Programmer PKB

Paparan sekiranya data bayaran tiada dalam pengkalan data politeknik. Sila tunggu dalam tempoh 3 hari (bekerja) selepas membuat pembayaran yuran sebelum membuat prosedur seterusnya

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : DISEMBER 2016 || DIS2016

**Semakan Bayaran Pelajar Baru Online Politeknik Kuala Terengganu**

Nama : ADRIANA ALIS BINTI NORIDAN  
No Kad Pengenalan : 960924115544

**Data Yuran Pengajian Anda Masih Belum Ada Dalam Pengkalan Data Politeknik Kuala Terengganu**

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Kuala Terengganu  
Tel : 09-6204100 Fax : 09-6204102  
<http://www.pkt.edu.my>

© Copyright Team Programmer PKB

Paparan sekiranya data bayaran telah ada di pengkalan data politeknik

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : DISEMBER 2016 || DIS2016

**Semakan Bayaran Pelajar Baru Online Politeknik Kuala Terengganu**

Nama : NAQUIRA HANIS BINTI AZLAN  
No Kad Pengenalan : 060307445374

Yuran Pengajian : RM 200.00  
Bayaran Yang Telah Diterima : RM 200.00


Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Kuala Terengganu  
Tel : 09-6204100 Fax : 09-6204102  
<http://www.pkt.edu.my>

© Copyright Team Programmer PKB

Item "Pendaftaran Online (dalam talian)" akan terpapar sekiranya pembayaran telah diterima oleh pihak politeknik. Klik pada butang "Teruskan Untuk Pendaftaran" untuk memulakan proses pendaftaran.

#### Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Kuala Terengganu

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan
1	<b>Cetak Dokumen Pendaftaran</b> Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Kuala Terengganu
2	<b>Cetak Maklumat Bayaran</b> Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.
3	<b>Semak status bayaran</b> Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Kuala Terengganu sehari selepas bayaran dibuat
4	<b>Pendaftaran Online (dalam talian)</b> Sila Klik Pendaftaran Online PKT setelah status bayaran yuran diterima oleh pihak Politeknik Kuala Terengganu



Setelah proses selesai maklumat pendaftaran akan dipaparkan dan calon pelajar diminta untuk mencetak slip pengesahan pendaftaran online untuk dihantar ke politeknik bersama dokumen lain yang diminta (rujuk LAMPIRAN 1 - senarai semak di m/s 1)



Sesi Semasa : DISEMBER 2016 || DIS2016

#### Maklumat Pendaftaran Online

##### Maklumat Pendaftaran

Nama : NAQUIRA HANIS BINTI AZLAN  
 No Kp : 960307115274  
 No Pendaftaran : 12DNS16F2001  
 Program : Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian)  
 Jabatan : JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI  
 Kelas : DNS1A  
 Tarikh Lapordiri : 21 NOV 2016  
 Masa Lapordiri : 8:30 Pagi  
 Sesi Mula : DISEMBER 2016  
 Sesi Tamat : JUN 2019

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
 Politeknik Kuala Terengganu  
 Tel : 09-6204100 Fax : 09-6204102  
<http://www.pkt.edu.my>

© Copyright Team Programmer PKB

## Contoh slip pengesahan pendaftaran online



**Politeknik Kuala Terengganu**  
Jalan Sultan Ismail  
20200 Kuala Terengganu  
Terengganu

Telefon : 09-6204100  
Fax : 09-6204102  
Web : <https://pkt.mypolycc.edu.my/v1/>



### Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

#### **Maklumat Pendaftaran**

Nama : MUHAMMAD ARIF ZULFADHLI BIN ALIAS  
No Kp : 060513110657  
Program : Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  
Kelas : DEE3A  
Sesi Pengajian : I : 2025/2026  
Tarikh Lapordiri : 28/07/2025  
Sesi Mula : I : 2024/2025  
No Pendaftaran : 12DEE24F1003  
Jabatan : JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK  
Masa lapordiri : 09:00 Pagi - 12.00 Tengahari  
Sesi Tamat : II : 2026/2027

#### **Arahan Semasa Melapor Diri**

- i Senarai Semak Borang Pendaftaran (Lampiran A)
- ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- iii Laporan Pemeriksaan Kesihatan (BHEP2)
- iv Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (BHEP3A, BHEP3B)
- v Kebenaran Ibu/bapa/penjaga untuk rawatan pembedahan (BHEP4)
- vi Borang Pengesahan Pendapatan (BHEP6A/BHEP6B/BHEP6C)

-----Potong Disini-----

#### **Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik Kuala Terengganu Sahaja**

#### **Senarai Semak Koperasi Politeknik Kuala Terengganu**

Nama : MUHAMMAD ARIF ZULFADHLI BIN ALIAS  
No Kp : 060513110657  
Program : Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  
Kelas : DEE3A  
No Pendaftaran : 12DEE24F1003

**Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik Kuala Terengganu**

Peralatan dari Koperasi Politeknik Kuala Terengganu yang telah di ambil oleh pelajar.

Barang akan diserahkan semasa lapor diri/selepas lapor diri

## **3.0 LAMPIRAN YANG PERLU DICETAK**

### **3.1 Senarai Semak**

- Senarai semak yang dilampirkan perlu dicetak, dilengkapkan dan dibawa pada hari pendaftaran bersama-sama dengan salinan dokumen untuk semakan oleh Urusetia Pendaftaran.
- Salinan dokumen yang dibawa pada hari pendaftaran perlu disusun mengikut tertib / aturan yang disenaraikan di dalam Senarai Semak yang diberi.

### **3.2 Borang Keahlian Pelajar (Semester 1) Majlis Sukan Politeknik**

- Borang Keahlian Pelajar (Semester 1) Majlis Sukan Politeknik perlu dilengkapkan dan dilampirkan bersama-sama dengan salinan slip pindahan wang sebagai bukti bayaran untuk tindakan Urusetia Pendaftaran.

**SENARAI SEMAK**

(Sila cetak helaian ini, lengkapkan dan bawa pada hari pendaftaran bersama dokumen berkaitan)

Dokumen pendaftaran yang telah lengkap diisi dan perlu diketipkan (*staple*) sekali mengikut tertib/aturan. **Setiap dokumen mestilah di cetak pada satu muka kertas untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**

Nama : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

No.Pendaftaran : \_\_\_\_\_

Sila sertakan salinan dokumen dalam **saiz A4** (pastikan mengikut susunan berikut)

Bil	Borang Maklumat Pelajar	Tindakan Calon (✓)	Tindakan Urus setia Pendaftaran (✓)
1	Slip Pengesahan Pendaftaran Online		
2	Maklumat Peribadi Pelajar Berserta Gambar berukuran Passport	<b>BHEP 1</b>	
3	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bahagian <b>A</b> :	<b>BHEP 2</b>	
4	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bahagian <b>B</b> :	<b>BHEP 2</b>	
5	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bahagian <b>C</b> :	<b>BHEP 2</b>	
6	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bahagian <b>D</b> :	<b>BHEP 2</b>	
7	Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Ibu/Bapa/Penjaga)	<b>BHEP 3a</b>	
8	Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Pelajar)	<b>BHEP 3b</b>	
9	Kebenaran Ibu/bapa/Penjaga Untuk Rawatan Pembedahan	<b>BHEP 4</b>	
10	Aku Janji Pelajar	<b>BHEP 5</b>	
11	Borang Pengesahan Pendapatan Bapa, Ibu, Penjaga	<b>BHEP 6</b>	
12	Gambar berukuran passport (1 keping)		
13	Borang Keahlian Pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia		

Tindakan Urusetia Pendaftaran :

Dokumen Lengkap

Dokumen Tidak Lengkap

Tandatangan pegawai bertugas

.....  
Tandatangan & Cop Rasmi

Tarikh : .....

Pegawai Penyemak



MSP\_DAF- 001

**BORANG KEAHLIAN PELAJAR  
(SEMESTER 1)  
MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA**

NAMA PELAJAR	
NO. KAD PENGENALAN	
NO. PENDAFTARAN	
PROGRAM	
SEMESTER	
SESI	
POLITEKNIK	
NO H/P	

Saya \_\_\_\_\_ No kad pengenalan \_\_\_\_\_ dengan sesungguhnya bersetuju untuk menjadi ahli Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan sedaya upaya akan mematuhi segala peraturan serta undang-undang Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan memberi sokongan terhadap program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Politeknik Malaysia seperti ditetapkan berikut:

**YURAN KEAHLIAN**

PENDAFTARAN	RM 10.00
SEMESTER	RM 15.00
JUMLAH	<b>RM 25.00</b>
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran boleh dibuat melalui <b>Pindahan Wang</b> sahaja (<i>EFT: Electronic Fund Transfer</i>) ke akaun <b>Majlis Sukan Politeknik Malaysia</b> Nama Bank : <b>Bank Islam Malaysia Berhad</b> No Akaun : <b>04033010039589</b> Jenis Akaun : <b>Akaun Semasa</b></li><li>• Sila nyatakan <b>No Kad Pengenalan</b> pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran.</li><li>• Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran.</li></ul>

Tandatangan

(NAMA : \_\_\_\_\_)

Tarikh :

## 4.0 MINGGU TRANSFORMASI SISWA

### 4.1 Peraturan Minggu Transformasi Siswa (MTS)

- Semua pelajar diwajibkan berpakaian kemas sepanjang masa.
- Pemakaian kad pelajar (akan diberi semasa MTS) hendaklah dipakai dengan gambar menghala ke hadapan.
- Pelajar dilarang sama sekali memakai selipar semasa berada di dalam kawasan kampus dan kelas.
- Pelajar perempuan Islam dikehendaki menutup aurat.
- Semua pelajar **DIWAJIBKAN** mengikuti semua taklimat dan program sepanjang Minggu Transformasi Siswa.
- Jika pelajar mengalami sebarang masalah, tidak sihat, kehilangan harta benda dan sebarang permasalahan yang lain sila rujuk segera kepada Jawatankuasa MTS yang bertugas atau mana-mana Pegawai di Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
- Ibu bapa dan pelawat tidak dibenarkan berjumpa dengan pelajar baharu semasa program MTS sedang berlangsung kecuali untuk hal – hal kecemasan sahaja.



## NOTA PENTING

- Sepanjang Minggu Transformasi Siswa berlangsung, rupa diri dan pemakaian pelajar adalah seperti dibawah:

### A. Pelajar Lelaki

Perkara	Keterangan
Baju/ Tali Leher	Kemeja putih (Kosong tidak bercorak) lengan panjang dan bertali leher.
Seluar/ Tali Pinggang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Seluar panjang 'slack' berwarna hitam – <i>jeans</i> dan <i>denim</i> tidak dibenarkan.</li><li>• Tali pinggang berwarna hitam –corak atau kepala tali pinggang yang berbentuk keterlaluan tidak dibenarkan.</li></ul>
Kasut	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kasut bertutup penuh- Kasut sukan tidak dibenarkan.</li><li>• Memakai sarung kaki dengan sempurna.</li></ul>
Rambut	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendek, kemas dan tidak diwarnakan</li><li>• Belakang tidak menyentuh paras kolar baju, paras tepi tidak menyentuh paras atas telinga dan paras depan tidak menyentuh paras dahi.</li></ul>

### Lain-lain

- Sebarang bentuk perhiasan seperti rantai gelang dan subang adalah tidak dibenarkan.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai topi, baju 'T' tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.

## B. Pelajar Perempuan

Perkara	Keterangan
Baju	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berbaju kurung / <i>blouse</i> labuh melepasi paras punggung (Warna Putih kosong tidak bercorak).</li><li>• Bertudung Putih (Kosong tidak bercorak) dan melebihi paras bahu bagi yang beragama Islam.</li><li>• Pakaian hendaklah bersopan dan tidak menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana- mana bahagian badan yang sensitif tidak dibenarkan.</li></ul>
Kasut	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kasut bertutup penuh.</li><li>• Memakai sarung kaki dengan sempurna.</li></ul>
Rambut	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rambut kemas sama ada diikat atau dengan cara yang seumpama dengannya dan tidak diwarnakan serta tidak berfesyen bagi yang bukan beragama Islam.</li></ul>

### Lain-lain

- Sebarang bentuk perhiasan seperti rantai gelang dan subang adalah tidak dibenarkan.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai topi, baju 'T' tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.

## **4.2 Objektif Minggu Transformasi Siswa (MTS)**

### **4.2.1 Persefahaman Dan Penyesuaian**

- Mengatur rancangan dan bimbingan bagi membolehkan pelajar berkomunikasi antara satu sama lain.
- Memberi peluang kepada pelajar memahami dan menyesuaikan diri dengan suasana Politeknik Kuala Terengganu.
- Membimbing pelajar ke arah cara dan semangat hidup di kampus berasaskan etika dan moral serta perkembangan intelek dan kebijaksanaan pelajar, bagi mencapai matlamat melahirkan pelajar yang holistik, seimbang dan berkualiti.

### **4.2.2 Akademik**

- Memperkenalkan sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Politeknik Kuala Terengganu supaya pelajar dapat memahami perjalanan dan bidang-bidang program yang ditawarkan olehnya selaras dengan kehendak MS ISO 9001:2015 dan pihak MQA.
- Memperkenalkan sistem Penasihat Akademik bagi pelajar memanfaatkan dan mendapat bimbingan sepenuhnya daripada Penasihat Akademik masing - masing.

### **4.2.3 Pentadbiran Politeknik**

- Memperkenalkan struktur dan sistem pentadbiran Politeknik Kuala Terengganu bagi memudahkan urusan pelajar.
- Memberi maklumat mengenai pegawai dan staf yang menerajui pentadbiran Politeknik Kuala Terengganu.

#### **4.2.4 Pengurusan Pelajar**

- Memperkenalkan sistem pengurusan hal - hal pelajar yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bagi memudahkan pelajar menjalani kegiatan kokurikulum mengikut peraturan Politeknik.
- Memupuk dan menekan pencapaian maklumat hal-hal pelajar ke arah “Menghasilkan Pemimpin Cemerlang.”
- Menggalakkan dimensi perkembangan pelajar yang mencukupi perkembangan keimanan, sendiri dan kemasyarakatan. Perkembangan ini boleh diterapkan melalui kegiatan kokurikulum sama ada melalui persatuan, kelab atau sukan dan badan-badan pelajar.

#### **4.2.5 Kerohanian Dan Keharmonian**

- Menggalakan penghayatan nilai-nilai Islam sebagai asas kehidupan tanpa prasangka kepada lain-lain kepercayaan agama dan amalan.
- Mendedahkan pelajar kepada kehidupan bermasyarakat berasaskan kepada kerjasama dan perpaduan di kalangan pelajar yang berbeza latar belakang ke arah mewujudkan bakal pemimpin yang peka kepada keperluan masyarakat yang bersatu padu.

#### **4.2.6 Kreatif Dan Kesukanan**

- Menggalakkan pelajar baharu menghormati serta mengikut kebudayaan nasional.
- Menanamkan semangat kesempurnaan emosi, jasmani dan rohani bagi perkembangan intelek.

### 4.3 Ikrar Pelajar

Sesungguhnya saya **PELAJAR POLITEKNIK KUALA TERENGGANU** faham bahawa PKT mempunyai peraturan tertentu untuk menjamin sistem pembelajaran dapat berjalan dengan baik dan sempurna. Oleh itu, saya berikrar akan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Politeknik Kuala Terengganu dari semasa ke semasa serta syarat - syarat yang ditetapkan untuk program yang saya ikuti. Saya juga berjanji tidak akan melibatkan diri dalam apa jua aktiviti yang dilarang serta yang akan mencemarkan nama baik Politeknik Kuala Terengganu.

Jika saya didapati melakukan kesalahan seperti di atas semasa saya masih menjadi pelajar Politeknik Kuala Terengganu, saya dengan rela hati bersedia menerima sebarang hukuman yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Politeknik Kuala Terengganu, berdasarkan Akta Institusi – institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Akta 174 dan ibu bapa atau penjaga saya tidak akan membuat sebarang bantahan ke atas hukuman yang di ambil ke atas saya.

Ikrar ini saya lafazkan dengan penuh kesedaran di hadapan Pengarah, Ketua - ketua Jabatan, Ketua – ketua Unit dan para pensyarah pada.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

## 4.4 Lagu Politeknik Malaysia

Politeknik adalah warisan kita  
Membekal tenaga bidang teknikal  
Bersama membina kemajuan Negara  
Malaysiaku tercinta

Akhlak mulia asas jaya  
Itulah amalan hidup kita  
Di mana sahaja Politeknik berada  
Harapan tetap sama

Politeknik ku sanjung jasa-jasamu  
Mencipta lembaran sejarah  
Harapan impian kan menjadi nyata  
Tetap taqwa usaha penentu arah

Maju Politeknik ayuh maju  
Semangatmu merestui perjuanganku  
Teknologi teras pembangunan Negara  
Politeknik Malaysia

## 4.5 Lagu Politeknik Kuala Terengganu

Tersergam megah indah teguh namamu  
Di tanah bumi bertuah Terengganu  
Tempat ilmu dicurah tanpa jemu  
Politeknik Kuala Terengganu

Politeknik Kuala Terengganu  
Pusat pendidikan teknikal berilmu  
Melahirkan insan holistik era baru  
Pemangkin pembangunan negara maju

Bersama warga bersatu berganding bahu  
Menuju ke arah visi yang satu  
Politeknik Kuala Terengganu  
Ayuhlah curahkan baktimu

Politeknik Kuala Terengganu  
Pusat pendidikan teknikal berilmu  
Melahirkan insan holistik era baru  
Pemangkin pembangunan negara maju

Politeknik Kuala Terengganu  
Pusat pendidikan teknikal berilmu  
Melahirkan insan holistik era baru  
Pemangkin pembangunan negara maju

Politeknik Kuala Terengganu  
Politeknik Kuala Terengganu

# 5.0 PERATURAN AM PELAJAR

## 5.1 KAD PELAJAR

- Kad Pelajar mestilah sentiasa dipakai semasa berada di dalam kampus.
- Kad Pelajar mestilah dipakai pada baju / jaket / blazer pada paras dada supaya sentiasa boleh dilihat dengan jelas.
- Kad Pelajar mestilah dipakai dengan mempamerkan bahagian gambarnya di hadapan
- Kad Pelajar TIDAK boleh diconteng, ditukar butiran gambar atau diubahsuai.
- Pelajar TIDAK dibenarkan memakai Kad Pelajar pelajar lain.
- Kad Pelajar yang hilang / rosak / tamat tempoh perlu membuat permohonan yang baharu kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajar dengan bayaran kos gantian yang telah ditetapkan oleh Politeknik Kuala Terengganu.

## 5.2 PENAMPILAN DIRI PELAJAR POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

- Pelajar hendaklah **sentiasa** berpakaian kemas, bersih dan sopan. Pelajar Islam **WAJIB** berpakaian menutup aurat.

### 5.2.1 Rupa Diri Pelajar Lelaki

#### Pakaian Ke Kelas

- Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- Baju “T” berkolar yang **TIDAK** mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana - mana parti politik. Baju “T” tidak berkolar **TIDAK DIBENARKAN**.
- Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.

- Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
- Berseluar 'slack' hitam / gelap. Seluar jenis jeans / kain jeans dan poket tampal adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Pelajar wajib memakai kasut dan bersarung kaki ketika hadir ke kampus dan kelas.
- Selipar, terompah, capal dan seumpamanya **TIDAK DIBENARKAN** untuk dipakai ketika berada di dalam kawasan kampus / kelas.
- Sebarang bentuk perhiasan **TIDAK** dibenarkan.



## Rambut

- Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas.
- Rambut pada paras belakang tidak melebihi paras kola baju, paras tepi tidak melebihi atas telinga dan bahagian hadapan rambut tidak melebihi paras dahi.
- Rambut berfesyen seperti “afro”, “punk”, berekor atau diwarnakan **TIDAK DIBENARKAN**.



Pandangan  
Hadapan



Pandangan  
Sisi



Pandangan  
Belakang

## 5.2.2 Rupa Diri Pelajar Perempuan

### Pakaian Ke Kelas / Bengkel / Makmal

- Pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK DIBENARKAN**.
- Pelajar digalakkan memakai baju kurung untuk hadir ke kelas.
- Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** dibenarkan memakai ‘skirt’ yang lebih pendek dari paras lutut.
- **DILARANG** sama sekali memakai pakaian yang ketat sehingga menampakkan bentuk badan.
- Pelajar wajib memakai kasut dan bersarung kaki ketika hadir ke kampus dan kelas.
- Selipar, terompah dan kasut bertumit tinggi (yang runcing) **TIDAK DIBENARKAN**.

## Rambut

- Rambut hendaklah kemas dan diikat rapi. Rambut berfesyen dan diwarnakan **TIDAK DIBENARKAN**.
- Pelajar Islam diwajibkan menutup aurat dan memakai tudung.



## Perhiasan

- Memakai barang kemas yang berlebihan **TIDAK** digalakkan.



## ETIKA PEMAKAIAN PELAJAR POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

## 5.3 MAKLUMAT PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR

BIL	PERKARA	PELAJAR SEMESTER 1	PELAJAR SEMESTER 2	PELAJAR SEMESTER 3	PELAJAR SEMESTER 4	PELAJAR SEMESTER 5	PELAJAR SEMESTER 6	EXTEND SEMESTER 7 / 9	EXTEND SEMESTER 8 / 10	LATIHAN INDUSTRI
1	Yuran Pengajian	200	200	200	200	200	-	200	200	-
2	Perlindungan Takaful Berkelompok Pelajar @ RM35/tahun	35	-	35	-	35	-	35	-	-
3	Kelengkapan / Peralatan Pelajar	265	-	-	-	-	-	-	-	-
4	Bayaran Yuran Majlis Sukan Politeknik (MSP)	25	15	15	15	15		15	15	
	<b>Jumlah</b>	<b>525</b>	<b>200</b>	<b>235</b>	<b>200</b>	<b>235</b>	<b>0</b>	<b>235</b>	<b>200</b>	

**Jadual Bayaran Yuran Pengajian dan Bayaran Pelbagai Pelajar Senior**

### Penetapan Status Pelajar Politeknik

- Staus pelajar politeknik adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - a. Mendaftar sebagai pelajar politeknik untuk mengikuti programpengajian yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan;
  - b. Menjelaskan yuran pengajian tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan; dan
  - c. Mendaftar kursus seperti yang ditetapkan oleh jabatan akademik untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

### Gugur Taraf Sebagai Pelajar


- Pelajar akan digugurkan taraf sebagai pelajar politeknik sekiranya **GAGAL** melapor diri / memohon penangguhan pengajian / memohon berhenti pengajian dalam tempoh 8 minggu dari tarikh pendaftaran pelajar.
- Pelajar yang telah digugurkan taraf sebagai pelajar **TIDAK BOLEH** membuat rayuan menyambung pengajian pada sesi semasa.
- Pelajar **BOLEH** membuat permohonan baharu sebagai pelajar baharu pada sesi seterusnya.

## 5.4 TATACARA LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR ATAS TALIAN

1. Log masuk ke [www.spmp.pkt.edu.my](http://www.spmp.pkt.edu.my)



2. Klik pada menu iHelp



### 3. Pilih Kemaskini Maklumat Penjaga

Selamat Datang ke Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Pelajar

UTAMA PKT

UTAMA HAL EHWAL PELAJAR

# iHELP

Politeknik Kuala Terengganu  
Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Selamat Datang :: Pengguna : NUR PUTRI ARIANNA BINTI MOHD ZUHADI ( Pelajar )      iHelp V-6.18.1      || Utama SPMP || Logout ||

- Pendaftaran**
  - Laporan Pelajar Senior
  - Kemaskini Maklumat Penjaga**
  - Borang-Borang HEP
- Disiplin**
  - Permohonan Stiker Kenderaan
  - Semak Rekod Saman
- Basiswa**
  - Adaan Kes Basiswa/Pinjaman
  - Semak Kes Basiswa/Pinjaman
- Pautan Utama**
  - Laman Utama PKT
- Keusahawanan Pelajar**
  - Maklumat Keusahawanan Pelajar

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Kuala Terengganu  
Tel: 09-6204100 Fax: 09-6204102  
http://www.pkt.edu.my

© Copyright Team Programmer PKT

### 4. Lengkapkan Semua Maklumat berkaitan dan tekan butang Simpan

Telefon : 0  
Telefon HP : 0143702102  
Pilih Keputusan Muat : Belum Menduduki Muat

**Maklumat Ibu Papa atau Penjaga**

Nama Penjaga : ROSZIE BINTI ABD RASHID  
Alamat Pelajar : PT 1403 , PONDOK BURUK , KAMPUNG PULAU HILIR  
KELANTAN  
Poskod : 16150 Bandar : KOTA BHARU  
Negeri : KELANTAN  
Telefon : 01116231607 Telefon HP : 0199590617

**Alamat Penginapan Semasa Pengajian**

Alamat : \*  
\*  
Poskod : 20200 Bandar : KUALA TERENGGANU  
Negeri : TERENGGANU

**Perakuan Perlindungan Data Peribadi**

Politeknik komited dalam usaha meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dan melahirkan graduan yang mampu berdaya saing dengan dunia luar. Justeru, Jabatan ini sentiasa bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk membantu graduan maju dalam kerjaya masing-masing. Namun begitu, penyalurkan maklumat pelajar kepada pihak berkaitan adalah tertakuk kepada Acta 709 Perlindungan Data Peribadi 2010. Sehubungan itu, Jabatan ini memerlukan kebenaran saudara untuk perkongsian maklumat peribadi bagi tujuan meningkatkan prospek kerjaya dan melanjutkan pengajian. Maklumat ini tidak akan dikongsi bagi tujuan pengkomersialan. Sila buat pengesahan dengan membuat pilihan seperti dibawah.

Pengesahan  Memberi Kebenaran  Tidak Memberi Kebenaran

**Simpan**

5. Pilih Lapordiri Pelajar Senior dan tekan Daftar

Selamat Datang ke Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Pelajar

> UTAMA PKT

> UTAMA HAL EHWAL PELAJAR

# iHELP

Politeknik Kuala Terengganu  
Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Selamat Datang :: Pengguna : NUR PUTRI ARIANNA BINTI MOHD ZUHADI [ Pelajar ]

iHelp V-6.18.1 || Utama SPMP || Logout ||

**Pendaftaran**

- Lapordiri Pelajar Senior
- Kemaskini Maklumat Penjaga
- Borang-Borang HEP

**Disiplin**

- Permohonan Stiker Kenderaan
- Semak Rekod Saman

**Biasiswa**

- Aduan Kes Biasiswa/Pinjaman
- Semak Kes Biasiswa/Pinjaman

**Pautan Utama**

- Laman Utama PKT

**Keusahawanan Pelajar**

- Maklumat Keusahawanan Pelajar

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Kuala Terengganu  
Tel : 09-6204100 Fax : 09-6204102  
http://www.pkt.edu.my

© Copyright Team Programmer PKT



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR &  
PEMBANGUNAN PELAJAR

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Jalan Sultan Ismail

20200 Kuala Terengganu

Terengganu Darul Iman

Tel : 09-6322000 / 2022 / 2023 / 2025 / 2009

